

# Negara perlu peralatan canggih: PM

BN - 5 OCT 1991

Oleh WAN HAMIDI HAMID dan AZHAR ABU SAMAH

KUALA LUMPUR, Jumaat — Malaysia memerlukan sistem telekomunikasi yang baik kerana ianya infrastruktur penting untuk pertumbuhan ekonomi negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tanpa sistem telekomunikasi yang baik, syarikat asing tidak berminat membuka pejabat wilayah mereka di negara ini kerana telekomunikasi begitu penting dalam urusan perniagaan dan perdagangan.

"Peniaga dan pengusaha zaman ini amat memerlukan alat perhubungan yang boleh memberikan tindak balas serta merta," katanya kepada pemberita selepas upacara pecah tanah Menara Kuala Lumpur, Bukit Nanas di sini hari ini.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM) yang mengendalikan menara itu, mestilah mempunyai kebolehan membekalkan semua kemudahan telekomunikasi secara cepat dan lancar.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kewujudan Menara Kuala Lumpur itu dapat membantu STM menyediakan keperluan komunikasi secara cepat.

Beliau berkata, menara konkrit setinggi 420 meter di Bukit Nanas itu juga akan digunakan sebagai stesen pemancar televisyen dan boleh menjadi tarikan pelancongan.

"Menara itu adalah salah satu usaha baru kerajaan mengadakan kemudahan komunikasi dan saya berpendapat pelaburan STM ini akan memberi keuntungan walaupun kos pembinaannya begitu mahal," katanya.

Menjawab pertanyaan lain, Perdana Menteri berkata, ada segelintir golongan yang menganggap pembinaan menara itu memba-

zir wang, mencemarkan udara dan ruang angkasa lepas.

"Dahulu ruang angkasa lepas di situ kosong dan sekarang sudah ada menara, jadi ruang udara di situ sudah tidak kosong dan udaranya tercemar. Sampai bila-bilapun orang akan cakap macam tu. Tapi kalau nak dengar cakap mereka, kita tak boleh buat apa," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) sudah membuat kajian mengenai ketinggian menara itu dan ianya didapati selamat tanpa menjejaskan komunikasi sebarang penerbangan yang melintasi kawasan itu.

Beliau juga memberi jaminan kerajaan tidak akan memberi kebenaran kepada sesiapa untuk menebang pokok tua berhampiran menara itu sewenang-wenangnya.

Sementara itu, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata Malaysia dijangka melancarkan satelit komunikasi pertama bernilai \$300 juta ke orbit menjelang 1995 bagi menampung keperluan teknologi komunikasi antarabangsa.

Katanya, satelit Malaysia akan menjadi satelit kedua dilancarkan dari Asia Tenggara selepas satelit 'Palapa' milik Indonesia.

Menurutnya, dua syarikat swasta tempatan yang sudah menyatakan kesanggupan mereka untuk membiayai projek itu akan dipanggil untuk berbincang dengan pihak kementerian.

Pada masa ini, katanya, Syarikat Telekom Malaysia (STM) dan sebuah syarikat swasta melanggan perkhidmatan Palapa dan satelit Asiasec milik Hong Kong dengan membayar kira-kira \$45 juta setahun.

Bagaimanapun, menurutnya, kedua-dua satelit itu tidak dapat menampung keperluan negara lagi menjelang 1994 berikutan permintaan terlalu tinggi dengan peningkatan kemajuan teknologi.